HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

# Tolak elemen negatif gugat keharmonian

· Bernama

**Kuala Pilah**

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir semalam bertitah supaya masyarakat menolak elemen negatif yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian bagi memastikan kestabilan moral dan sosial mengikut nilai agama dapat terus diperkuatkan.

Baginda bertitah, rakyat perlu berusaha untuk mengenali dan memahami adat serta budaya berbilang kaum di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan khususnya di Negeri Sembilan.

"Oleh itu, beta menyeru kepada semua rakyat untuk mempertingkatkan tali persahabatan dan percampuran dalam kalangan masyarakat majmuk melalui pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, sukan dan kunjungan rumah terbuka.

"Ia akan memastikan semangat kebersamaan antara kita sentiasa teguh dan seterusnya mengekalkan perpaduan dan keharmonian," titah baginda pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena Hari Keputeraan ke-76 baginda di Istana Besar Seri Menanti di sini, semalam.

Turut berangkat ke majlis itu, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.



TUANKU Muhriz berkenan memberi tabik hormat kepada barisan kawalan kehormat utama daripada 71 Rejimen Semboyan Diraja Pemerintahan Medan Barat di pekarangan Istana Besar Seri Menanti, semalam. Turut berangkat, Tuanku Aishah Rohani.

Baginda bertitah, kesejahteraan rakyat juga ditentukan oleh pencapaian ekonomi negeri dan pada masa ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah kutipan hasil negeri adalah amat membanggakan.

Sehubungan itu, bagi mengekalkan prestasi itu, Tuanku Muhriz berharap kerajaan negeri meneruskan perancangan Pelan Tindakan Khusus Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 yang merupakan perancangan terkini kerajaan dalam menangani isu ekonomi semasa di negeri ini.

Dalam pada itu, baginda mahu rakyat bersedia menghadapi sebarang perubahan sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun iklim dunia dan yakin penduduk di negeri ini cekal serta bersemangat mendepani cabaran mendatang.

"Beta disembah maklum bahawa kerajaan beta membuat persediaan dengan mengukuhkan pengurusan kerajaan melalui inovasi dalam pentadbiran dan mengaplikasi teknologi terbaharu selain merencana program tertentu bertujuan membantu rakyat membuat persediaan menghadapi ketidaktentuan ini," titah baginda.

**"Beta menyeru kepada semua rakyat untuk mempertingkatkan tali persahabatan dan percampuran dalam kalangan masyarakat majmuk"**

Selain itu, Tuanku Muhriz turut mengingatkan institusi awam untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian dan pengurusan kerajaan dalam memberi perkhidmatan cemerlang kepada rakyat.

Dalam titah itu juga, Tuanku Muhriz turut menzahirkan sokongan perjuangan rakyat Palestin dan mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan Israel terhadap rakyat Palestin.



TUANKU Muhriz berkenan menyematkan pingat kebesaran kepada Aminuddin.

## Aminuddin dahului senarai penerima pingat

**Seremban:** Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun mendahului senarai 473 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kerajaan Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-76 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, semalam.

Ahli Parlimen Port Dickson yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sikamat itu dianugerahkan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SUNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain pula dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Lima individu dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk iaitu Mufti Kerajaan Negeri Profesor Madya Dr Faudzinaim Badaruddin dan Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kamal Bashah Ahmad Tajuddin.

Turut menerima anugerah itu Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman Datuk Seri Mohd Kamarudin Md Din, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohd Zafir Ibrahim dan Hakim Utama Mahkamah Tinggi Seremban Datin Rohani Ismail.

Timbalan Ketua Polis Negeri SAC Abd Khalid Othman, Adun Sungai Lui Mohd Razi Mohd Ali, Adun Johol Saiful Yazan Sulaiman dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Dr Roslan Hussin pula antara 22 penerima Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang turut membawa gelaran Datuk.